

MENIKMATI KEINDAHAN ALAM DI PULAU KAPAS

Oleh: Mardhiyah binti Ajusman, 1171100,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Saya memang sangat menyukai pemandangan di kawasan pulau. Sehubungan itu, apabila ibu saudara saya mengajak ke Pulau Kapas di Terengganu, saya berasa teruja dan tidak sabar untuk pergi ke pulau tersebut.

Kami mengambil pakej pelancongan yang ditawarkan agensi Our Deen Travel & Tours Sdn Bhd kerana harganya yang berpatutan.

Sesiapa sahaja yang pergi ke pulau pasti tidak akan melepaskan peluang untuk melakukan selam snorkel.

Air laut yang jernih membolehkan kita melihat dasar laut yang dipenuhi ikan yang berwarna-warni serta hidupan laut yang lain seperti rumpai laut dan batu karang.

Kita juga akan berasa takjub dan kagum dengan kehebatan ciptaan Allah SWT yang sangat cantik dan indah.



Pemandangan di dasar laut.

Pada waktu malam, kami mencandat sotong yang tiba musimnya setiap bulan Julai. Saya berasa teruja kerana beroleh pengalaman mencandat sotong untuk kali pertama.

Ketika mencandat, seorang demi seorang mula muntah kerana mabuk laut. Saya juga berasa pening tetapi saya kuatkan semangat kerana peluang ini tidak boleh disia-siakan begitu saja.

Walau bagaimanapun, saya sangat berpuas hati kerana berjaya mencandat beberapa ekor sotong yang besar.

Selepas beberapa jam mencandat, angin bertiup kuat dan hujan mula turun. Saya dan pelancong-pelancong yang lain mula berpindah ke dalam bot untuk mengelak dari terkena hujan dan duduk berehat.

Namun, hujan semakin lebat dan angin juga semakin kencang sehingga menyebabkan kami tidak dapat pulang ke khemah atau tempat penginapan pada waktu itu kerana pemandu pelancong memberitahu keadaan sangat berbahaya.

Saya dan pelancong-pelancong yang lain berasa sangat sejuk, letih dan lesu ketika menunggu hujan teduh. Kami mahu pulang ke tempat penginapan pada waktu itu.

Saya hanya mampu memohon pertolongan kepada Allah SWT supaya meredakan hujan dan angin supaya kami dapat pulang dengan selamat. Kami selamat sampai di tempat penginapan pada pukul 3 pagi.



Antara sotong yang berjaya dicandat.

Keesokannya, kami mendaki Bukit Singa yang terletak di pulau tersebut. Perjalanan kami sangat mencabar kerana perlu meredah batu-batu yang besar dan air laut yang kuat untuk sampai ke puncak Bukit Singa.

Walaupun letih, saya sangat berpuas hati kerana dapat melihat pemandangan laut yang luas kebiruan dan alam yang sangat indah.

Memang penat, tetapi saya tetap berpuas hati dan tetap berasa gembira kerana kami mengadakan aktiviti barbeku pada malam tersebut dan menikmati keenakan sotong yang telah kami candat dengan bersusah payah.

Kami makan bersama dan berbual untuk mengetahui lebih lanjut tentang diri masing-masing sebelum bertolak pulang keesokannya.



Keindahan pemandangan di Pulau Kapas pada waktu senja.